

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyalurkan peruntukan secara terus dan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan memberi kepercayaan untuk mengurus tadbir agihan peruntukan tersebut berdasarkan keperluan yang telah dikenal pasti di peringkat negeri memandangkan Kerajaan Sabah kini adalah sehaluan dengan Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar di Negeri Sabah terus dipertingkatkan meliputi keperluan asas prasarana, pembangunan ekonomi, keusahawanan dan pembangunan modal insan di semua peringkat lapisan masyarakat.

Mengenai hasrat Yang Berhormat berkenaan cadangan menyalurkan perutukan secara terus kepada Negeri Sabah, KPLB bersedia untuk mempertimbang dan memperhalusi perkara ini dalam projek-projek tertentu. Sebahagian projek-projek ini kita letakkan di bawah kawal selia agensi di bawah KPLB.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian memang telah pun sedia menjalin kerjasama baik dengan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Sabah seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB), Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB) dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) di mana agensi-agensi negeri ini telah disalurkan peruntukan secara terus saban tahun oleh pihak Kementerian bagi membantu melaksanakan pelbagai program/projek di Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.